

PENANG
2030

PG

Polisi Gangguan SEKSUAL

MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

Sesiapa sahaja boleh menjadi mangsa gangguan seksual tanpa mengira jantina mereka atau jantina pelaku gangguan. MBPP sedar bahawa gangguan seksual juga boleh berlaku antara sesama jantina. Yang penting adalah kelakuan seksual itu tidak diingini dan tidak disenangi oleh individu yang menjadi sasaran terhadap kelakuan tersebut.

MBPP sedar bahawa gangguan seksual seringkali dianggap sebagai manifestasi kuasa dan sering berlaku dalam hubungan yang tidak sama rata di tempat kerja. Sesiapa sahaja, termasuk kakitangan MBPP, pelanggan, kontraktor atau pelawat yang melakukan gangguan seksual terhadap orang lain akan dikenakan tindakan selaras dengan dasar dalaman ini.

Semua bentuk gangguan seksual adalah dilarang sama ada berlaku di dalam organisasi MBPP atau di luar, termasuk dalam acara sosial; kawatan kerja; sesi latihan atau program anjuran MBPP.

MBPP akan memastikan bahawa dasar ini akan disebarluaskan secara meluas kepada semua kakitangan. Semua kakitangan baharu MBPP perlu diberi latihan mengenai kandungan dasar ini sebagai sebahagian daripada modul Program Transformasi Minda (PTM) di MBPP.

Pelanggaran dasar ini merupakan satu kesalahan di bawah Kaedah 10A(1) dan Kaedah 10A(2) Kaedah-Kaedah Pekerja (Kelakuan dan Tatatertib) Majlis Perbandaran Pulau Pinang 2000 (Pindaan 2021) dan boleh dikenakan tindakan tatatertib.

DATO' IR. RAJENDRAN P. ANTHONY

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Pulau Pinang

Berkkuatkuasa : 28 JULAI 2025